

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**BRIG. JEN. PROFESOR DATUK SERI PANGLIMA**  
**DR KAMARUZAMAN HJ. AMPON**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**SEMPENA PERASMIAN KOLOKIUM**  
**12.00 TENGAHARI**  
**11 MEI 2010**

Bismilahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh , Salam Sejahtera dan Salam  
1Malaysia

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Abdullah  
Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk  
Kolokium Memartabatkan Bahasa Melayu Di Institusi Pendidikan

Yang Berusaha Dr. Muhiddin bin Yusin,  
Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

Yang Berusaha Datu Dr Hj Julaihi Bujang,  
Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.

Yang Berusaha Encik Zubaidi Abas,  
Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Negeri Sabah.

Pegawai-pegawai utama UMS,

Dekan-Dekan dan para pensyarah.

Para Peserta Kolokium,

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah kita berkumpul untuk menghadiri Kolokium Memartabatkan Bahasa Melayu Di Institusi Pendidikan pada hari yang mulia ini. Syabas dan tahniah atas gabungan pengajur bersama yang terdiri daripada Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah serta Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah kerana telah berjaya menganjurkan program yang amat bermanfaat ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya muliakan,

Bahasa merupakan satu prinsip yang digunakan oleh sesuatu bangsa dalam sesuatu tempat. Di dalam konteks di negara kita, penggunaan yang dimaksudkan ialah penggunaan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Rasmi kita iaitu Bahasa Melayu. Ini kerana bahasa memegang peranan yang amat penting dalam komunikasi dan pembelajaran di dalam institusi-institusi pendidikan. Kepentingan bahasa itu hampir mencakupi segala bidang kehidupan kerana segala sesuatu yang dihayati, dialami, dirasakan, dan difikirkan oleh seseorang hanya dapat diketahui orang lain jika telah diungkapkan dengan bahasa, mahupun tulisan.

Ini kerana sesungguhnya, bahasa tidak mampu dipisahkan daripada orang yang menuturkannya atau membacanya. Sungguhpun pengwujudan pertuturan itu adalah hasil kegiatan seseorang sebagai individu, tetapi bahasa tidak dapat wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka antara satu sama lain. Dengan ini dikatakan bahawa bahasa adalah hak milik bersama sekumpulan individu, bukan kepunyaan satu-satu individu tertentu.

Hadirin yang saya hormati,

Dalam bahasa, kita lihat sifat yang penting yang ada pada manusia sebagai makhluk sosial, iaitu sifat perkongsian. Kebiasaan berkongsi satu sistem komunikasi yang kita namakan bahasa itu melahirkan satu kumpulan manusia yang berbeza dari kumpulan yang lain yang menggunakan sistem bahasa yang berlainan pula. Dengan demikian

tiap-tiap kumpulan itu lama kelamaan tumbuh sebagai satu bangsa yang tersendiri. Dari sini kita lihat pada hakikatnya bahawa bahasa tidak dapat dipisahkan dari bangsa yang menjadi masyarakat pendukungnya atau tidak dibezakan pengertian *bangsa* dan *suku bangsa*.

Bahasa merupakan alat yang penting dalam masyarakat. Tanpa bahasa yang difahami sesuatu masyarakat itu tidak dapat berinteraksi dengan masyarakat lain. Justeru, bahasa bolehlah dikatakan cerminan sesuatu masyarakat melalui bahasa yang dituturkannya. Bahasa Melayu pada mulanya diolah daripada skrip Bahasa Arab dan kemudiannya diterapkan kepada penulisan Jawi (tetapi sekarang, kebanyakannya adalah dalam huruf Rumi). Sebagai bahasa komunikasi, Bahasa Melayu luas digunakan di seluruh negara dan di rantau ini. Seramai lebih 300 juta orang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa lumrah dalam interaksi sehari-hari. Mercu pencapaian sesuatu bahasa itu terletak pada penggunaannya sebagai *lingua franca* serta pengembangan sastera, adat, pakaian, makanan adab kesenian yang dibawanya.

Bahasa Melayu sudah luas digunakan di Malaysia, khususnya oleh golongan muda di sekolah, maktab dan universiti. Pelajar-pelajar bukan Melayu memang sudah cekap bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Dalam beberapa situasi, mereka searif dan setanding dengan pelajar-pelajar Melayu yang terbaik. Ini kerana Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia telah digunakan sebagai bahasa perantaraan pendidikan semenjak tahun 1967. Ianya telah membolehkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum mampu berinteraksi antara satu sama lain sekaligus membantu negara untuk terus membangun dalam pelbagai aspek secara aman dan harmoni.

Hadirin yang saya muliakan,

Apabila memperkatakan bahasa khususnya bahasa Melayu, sudah pasti ianya akan mengajak kita bersedia bersepada tenaga membina, memupuk, mengembangkan dan menggunakan. Kegemilangan, bukan sahaja terserah dalam kalangan 300 juta orang umat berbahasa Melayu di rantau ini, bahkan dalam perspektif yang lebih luas meletakkannya di pentas dunia. Bahasa tidak mungkin dipisahkan daripada amalan hidup seseorang. Ini kerana bahasa bukan semata-mata alat komunikasi tetapi jauh

daripada itu, bahasa ialah pembina budaya, pengembang pemikiran dan pandangan alam seseorang. Seseorang yang mengabaikan bahasanya, bermakna ia mengabaikan budaya hidup diri dan masyarakatnya serta negaranya. Seseorang yang mengagungkan bahasa juga harus mengagungkan budaya atau sastera bangsanya. Lebih tinggi taraf kebahasaan yang digunakan dalam kehidupan, lebih tinggi nilai kebudayaan atau sasteranya dan lebih besar pula sumbangan yang dapat diberikannya untuk membangunkan diri, keluarga dan negara.

Sesungguhnya Bahasa Melayu sememangnya mempunyai nilai sastera, budaya dan agama yang tinggi. Semangat dan nilai yang terdapat dalam bahasa Melayu boleh menjadi pendorong yang kuat kepada pengamalnya untuk menggerakkan perkembangan ilmu pengetahuan. Bahasa khususnya bahasa Melayu dalam konteks 1Malaysia, menjadi wahana untuk membina, membangun dan memupuk persefahaman serta perpaduan rakyat. Kebitaraan bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17, telah mencapai taraf bahasa antarabangsa, terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa diplomatik, lingua franca, bahasa perdagangan sedunia dan bahasa penyebaran agama besar di dunia.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kolokium ini. Kepada para peserta sekalian, manfaatkanlah saat dan waktu ini dengan sepenuhnya. Kehadiran anda di sini pastinya tidak akan menjadi sia-sia. Akhir kata, dengan lafadz suci Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Kolokium Kebangsaan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institut Pendidikan 2010.

Sekian, Wabillah hi taufiq walhidayah wasalamualikum warohmatullah hi wabarakatuh.